

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGANG 4/97**

=====

**CADANGAN MENSYARATKAN TEMPOH PAJAKAN SELAMA 99 TAHUN
BAGI TANAH DI KAMPUNG-KAMPUNG BARU**

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang bersidang pada 8/10/1997 telah memutuskan supaya konsep pembangunan Kampung-Kampung Baru yang terdapat pada masa ini dibatalkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan. Sehubungan dengan itu, Majlis Tanah Negara yang ke 42 telah memutuskan bahawa kadar premium untuk lanjutan tempoh pajakan tanah di Kampung-Kampung Baru dikenakan seperti berikut :-

- (i) Kadar bayaran premium untuk mereka yang memohon lanjutan tempoh pajakan selama 60 tahun hendaklah dikenakan pada kadar yang berpatutan dan tidak kadar RM 0.50 sen skp sebagaimana yang dikenakan sekarang.
- (ii) Kadar bayaran premium untuk mereka yang memohon lanjutan tempoh pajakan selama 99 tahun akan dikenakan mangikut harga pasaran.

2. Konsep asal Kampung-Kampung Baru adalah untuk tujuan penempatan penduduk-penduduk di zaman darurat. Oleh kerana ianya tidak wujud lagi pada masa ini, maka Kerajaan telah memutuskan :

- (a) Supaya semua permohonan pemberimilikan tanah di Kampung-Kampung Baru perlu diproses seperti tanah-tanah lain mengikut Seksyen 76 Kanun Tanah Negara dengan dikenakan syarat-syarat kelulusan seperti pemberimilikan lain-lain tanah Kerajaan.
- (b) Tempoh pajakan diselaraskan kepada 99 tahun bagi semua kategori dalam pemberimilikan tanah yang terletak di Kampung-Kampung Baru Cina, kawasan Penempatan India dan Melayu.
- (c) Kadar Premium yang dikenakan :

Tempoh pajakan 99 tahun

Kediaman – $\frac{1}{2} \times \frac{1}{100} \times \text{harga pasaran} \times 99 \text{ tahun.}$

Indusrti / Perniagaan – $\frac{3}{4} \times \frac{1}{100} \times$ harga pasaran x 99 tahun.

Tempoh Pajakan 60 tahun

Kediaman – $\frac{1}{2} \times \frac{1}{100} \times$ harga pasaran x 60 tahun.

Industri / Perniagaan – $\frac{3}{4} \times \frac{1}{100} \times$ harga pasaran x 60 tahun.

Bagi Tanah-Tanah Pertanian

Kadar mengikut Kaedah Tanah Selangor 1966.

- (d) Kadar Cukai Tahunan mengikut Arahan Kanun Tanah Selangor (Perubahan Cukai) 1993.
- (e) Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 25/7/1985 yang mewakilkan kuasa kepada Pentadbir Tanah adalah ditarik balik.
- (f) Semua permohonan hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
- (g) Memasukkan peruntukan untuk mengenakan sekatan kepentingan.

3. Dengan keluaran Pekeliling ini serta kelulusan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor pada 8/10/1997 maka Pekeliling PTG. Sel. Bil. 1/63, Bil. 10/73, 7/85 dan 8/85 adalah dibatalkan.

T.T
(DATO' HAJI MOHD. ESA BIN SHARIFF)
Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh : 1 Disember 1997

s.k PTG.Sel. 34/8

*** Para 2 (c) TERBATAL DENGAN PEKELILING BIL. 4/1999**